

12/09/2001

Pertemuan Mahathir-Putin perkukuh hubungan dua hala

KUALA LUMPUR, Selasa - Mesyuarat dua hala antara Presiden Russia Vladimir V Putin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Moscow minggu ini akan menjadi satu peristiwa besar dalam hubungan dua hala, menurut Kementerian Luar Russia.

Pertemuan Putin-Mahathir akan memberikan kualiti baru terhadap hubungan ini dalam pelbagai bidang, menurut kementerian itu dalam satu kenyataan yang diedarkan kedutaan Russia di sini hari ini menjelang lawatan empat hari Dr Mahathir ke Russia bermula Rabu atas undangan Putin.

Pertemuan terakhir Putin dan Dr Mahathir ialah pada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Brunei tahun lepas.

Menurut kenyataan itu, selain memberikan keutamaan terhadap interaksi politik, perbincangan di antara kedua-dua pemimpin itu akan memberi tumpuan terhadap pempelbagaian perdagangan dan ikatan ekonomi.

"Terdapat banyak ruang bagi perkongsian manfaat dalam bidang sains, teknologi tinggi, kerjasama perindustrian, terutama dalam bidang penerbangan dan angkasa, bioteknologi dan teknologi membran.

"Turut tidak dilupakan ialah bidang ICT iaitu dalam rangka Russia dihubungkan dengan pelaksanaan projek terkemuka Koridor Raya Multimedia Malaysia," menurut kenyataan itu.

Dengan kedua-dua pihak mempunyai prospek yang menarik dalam pencarian dan penggalian sumber galian serta bidang pengangkutan, kemungkinan meningkatkan lagi pelaburan Malaysia dalam ekonomi Russia adalah juga sesuatu yang boleh diharapkan, menurut kenyataan itu.

Menurutnya prospek yang luas mencirikan kerjasama antara wilayah Russia dan negeri-negeri di Malaysia, terutama dalam menjadikan kenyataan program pembangunan ekonomi Siberia dan Timur Jauh Russia.

"Seseorang itu tidak boleh mengeneipkan peluang baik bagi memperluaskan kerjasama dalam teknik dan teknologi ketenteraan serta menggalakkan hubungan antara tentera," menurut kenyataan itu.

Menurutnya Russia dan Malaysia memberi perhatian serius terhadap pembaikan dan pemodenan yang sistematik dasar undang-undang bagi hubungan dua hala.

"Mereka sedang menyediakan kertas persiapan bagi sejumlah perjanjian antara kerajaan dan antara jabatan serta MoU untuk ditandatangani termasuk mengenai penggalakkan dan perlindungan bersama pelaburan, kerjasama sains dan teknologi dan sebagainya," menurut kenyataan itu.

(END)